



LEBIH SEJUTA RAKYAT MALAYSIA TOLAK GEG

KUALA LUMPUR, 2 JUN 2023 – Kerajaan tidak boleh meremehkan pandangan lebih sejuta rakyat Malaysia yang menolak pelaksanaan GEG serta tidak bersetuju dengan cadangan untuk mengharamkan penggunaan produk vape untuk generasi akan datang yang mencapai umur dewasa nanti.

Menurut **Presiden Malaysian Vape Industry Advocacy (MVIA), Rizani Zakaria**, suara rakyat itu adalah berdasarkan satu petisyen yang dijalankan secara dalam talian oleh Malaysia Bersuara yang menjaya mengumpulkan lebih satu juta tandatangan tanda tidak setuju dari rakyat Malaysia.

“Satu juta bukanlah jumlah yang sedikit. Ramai yang tidak bersetuju. Kenapa mahu teruskan sesuatu yang begitu drastik yang akan menjejaskan industri.”

“Larangan yang dikenakan pada industri ini bukan sahaja akan memberi kesan kepada rangkaian industri, tetapi kepada seluruh ekosistem yang terlibat secara tidak langsung termasuk contoh industri peruncitan, pengilangan, logistik, pergudangan, penawaran pekerjaan dan sebagainya.”

Tambahnya, tindakan yang drastik seperti itu adalah sukar untuk dilaksanakan terutamanya kerana ia berbandukan penguatkuasaan yang penuh cabaran.

“Industri vape baru sahaja dibenarkan untuk beroperasi secara sah. Polisi ini pula dikenakan dan ia seumpama meletakkan satu tarikh untuk industri dilarang sepenuhnya,” kata Rizani.

Kata Rizani, “Polisi ini juga akan membantutkan perkembangan industri. Baru-baru ini terdapat pengumuman pelaburan daripada syarikat pelabur besar dari China di Melaka oleh YAB Ketua Menteri Melaka yang menjadi sebahagian daripada tujuh projek bernilai RM3.5 bilion. Polisi sebegini hanya akan menakutkan pelabur dari luar negara dalam sektor industri vape negara dan menyebabkan mereka mengalihkan pelaburan mereka ke negara lain.”



“Dan ini akan membuatkan negara hilang peluang pekerjaan yang boleh diwujudkan dan juga menyebabkan pelaburan dalam sektor ini semakin merosot.”

“Kita faham Kerajaan ingin membuat kawal selia ke atas industri dan industri sokong kewujudan kawal selia untuk industri. Tetapi, pengharaman adalah tindakan yang terlampau drastik,” katanya.

Dalam pada itu, Rizani mengajak lebih banyak rakyat Malaysia yang turut berpendapat bahawa GEG ini tidak harus dilaksanakan, boleh menurunkan tandatangan di laman web [Malaysia Bersuara.](#)”

-tamat-